

Edisi Kedua 2024

MITASA
KESATUAN KAKITANGAN AKADEMIK UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA



Suara

MITASA

Bengkel e-TUIS,
bantu kesatuan
lebih efisien

Risiko psikososial
tempat kerja:
ke arah menjadikan UiTM
sebagai majikan yang
sihat dan selamat

Usah aniaya anak buah,
jawatan adalah amanah
dan keadilan

Kenapa Susahnya
Nak Naik Pangkat?

PTM beri pendedahan
kepada pensyarah baharu

Insentif Kecemerlangan
SPM terus bantu anak
ahli MITASA

ISSN 3083-6116



9 773063 611009

Permulaan yang sempurna

Fenomena Angkasa: Renungi kejadiannya, hayati kehebatan-Nya

Mohd Razlan Ahmad

Pensyarah Akademik Pengajian Islam Kontemporari (ACIS)

Kita sedar bahawa bukan kita sahaja yang berada di dunia ini. Sesungguhnya Allah SWT telah menjadikan alam ini penuh dengan hikmah yang tersendiri dan tersembunyi. Sebagai hamba dan khalifah Allah SWT yang bertanggungjawab, seharusnya kita menjalankan tugas dengan sebaik mungkin. Alam yang penuh dengan khazanah dan rahsianya menjadikan kita sentiasa terpenggil untuk mengetahui isinya dengan lebih mendalam. Maka dengan merujuk firman Allah SWT dalam Surah ali-Imran, ayat 190-190;

إِنَّ فِي خَلْقِ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَاخْتِلَافِ اللَّيْلِ وَالنَّهَارِ لَآيَاتٍ لِّأُولِي الْأَلْبَابِ
(190) الَّذِينَ يَذْكُرُونَ اللَّهَ قِيَامًا وَقُعُودًا وَعَلَىٰ جُنُوبِهِمْ وَيَتَفَكَّرُونَ فِي خَلْقِ
السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ رَبَّنَا مَا خَلَقْتَ هَذَا بَاطِلًا سُبْحَانَكَ فَقِنَا عَذَابَ النَّارِ (191)

Maksudnya: "Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi, dan pada pertukaran malam dan siang, ada tanda-tanda (kekuasaan, kebijaksanaan, dan keluasan rahmat Allah) bagi orang-orang yang berakal (190). (Iaitu) orang-orang yang menyebut dan mengingati Allah semasa mereka berdiri dan duduk dan semasa mereka berbaring mengiring, dan mereka pula memikirkan tentang kejadian langit dan bumi (sambil berkata): "Wahai Tuhan kami! Tidaklah Engkau menjadikan benda-benda ini dengan sia-sia, Maha Suci Engkau, maka peliharalah kami dari azab neraka (191).

Firman Allah SWT di atas telah memberi gambaran bahawa Allah SWT menyuruh kita untuk sentiasa memerhati dan merenung setiap ciptaan-Nya yang terdapat di alam ini sama ada di langit dan di bumi. Bagi setiap ciptaan itu sudah pasti terdapat hikmahnya yang tersembunyi bagi hambanya yang dikurniakan akal fikiran dan iman yang baik. Mereka yang sedemikian rupa inilah yang Allah SWT gelarkan sebagai Ulul-Albab.

Setiap fenomena angkasa yang berlaku telah membuka pelbagai cabang ilmu untuk manusia terus menerokainya. Segalanya terdapat di dalam Al-Quran yang mulia mengenai fenomena angkasa seperti kejadian alam semesta, kejadian hujan, perubahan fasa bulan, pergerakan matahari, pembentukan angin, kejadian bintang, fenomena gerhana dan lain-lain menjadikan manusia sentiasa memikirkan kaedah, kesan dan hikmah kejadiannya. Semua itu berlaku kerana Sunnatullah yang telah ditetapkan.

Era kegemilangan dan kemajuan keilmuan sains dalam tamadun Islam (750-1250M) telah membuktikan bahawa Islam sangat menitikberatkan pelbagai sumber ilmu yang bersandarkan kepada Al-Quran dan hadis Rasulullah SAW. Perkara ini telah dibuktikan dengan pelbagai pendekatan ilmu sains yang bertunjangkan prinsip keislaman yang tinggi dijadikan panduan antaranya bidang ilmu falak (astronomi). Ramai tokoh astronomi Islam yang terkenal dengan sumbangan mereka yang pelbagai seperti al-Khawarizmi (780-850M), al-Biruni (973-1048M) dan ramai lagi.

Fenomena-fenomena angkasa yang menarik menunjukkan betapa tingginya ilmu Allah SWT untuk manusia terus tunduk dan patuh dengan ciptaan-Nya. Setiap ciptaan itu menguji serta menguatkan kita tentang cabang kehidupan iaitu akidah, ibadah dan akhlak. Dengan keyakinan iman kepada Allah SWT yang mengatur setiap kejadian di alam ini menjadikan fenomena-fenomena angkasa seperti matahari dan bulan sebagai panduan kepada amalan ibadah seharian dan ibadah tertentu. Sebagai contoh ibadah solat yang menjadikan pergerakan matahari untuk menentukan waktu solat dan arah kiblat berdasarkan kedudukan bayang-bayang. Begitu juga dengan pergerakan bulan dapat digunakan sebagai panduan untuk menentukan bermulanya awal bulan Hijri yang dijadikan panduan bagi ibadah puasa, Hari Raya Aidilfitri, Hari Raya Aidiladha dan lain-lain.

Disebalik kejadian fenomena angkasa ini dapat mendidik nilai akhlak kita untuk terus bersyukur dan mengagungkan Allah SWT yang selayaknya Maha Berkuasa dan Maha Pencipta dengan pelbagai lagi ciptaanya seperti kejadian fenomena gerhana matahari dan bulan, buruj, hujan meteor, komet, asteroid, nebula, planet dan sebagainya. Sebagai hamba yang beriman, marilah sama-sama kita “Renungi kejadiannya, Hayati kehebatan-Nya” melalui fenomena angkasa yang menghiasi langit yang kukuh tanpa tiang ini.

Penulis juga merupakan Exco Persatuan Falak Syarie Malaysia.



Bulan Penuh (Mohd Paidi Norman, 2024)



Lagoon Nebula (Mohd Paidi Norman, 2024)



Swan Nebula (Mohd Paidi Norman, 2024)

Untuk sebarang urusan berkaitan akses terhadap MITASA, ahli-ahli boleh mengikuti kami di platform media sosial MITASA dengan mengimbas kod QR yang disediakan seperti Tiktok, Facebook, Instagram dan Twitter. Bersama ini juga disertakan kod QR untuk pendaftaran sebagai ahli dan borang aduan untuk ahli yang memerlukan.

Media Sosial MITASA




Tiktok



Facebook



Twitter



Instagram



Laman Web

Keahlian & Aduan



Kemaskini Keahlian



Borang Ahli



Borang Aduan



Siti Fatimah Awang
Setiausaha Media dan
Korporat MITASA
010-9280262



**Nadra Sharfina
Ab Rahman**
Setiausaha Pejabat MITASA
018-2365130